

14/10/1999

Polis bertindak jika tuduhan Marina Yusof tidak benar

KUALA LUMPUR, Rabu - Polis akan mengambil tindakan terhadap Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusof, jika tuduhannya bahawa Umno dan pasukan keselamatan mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei 1969, tidak benar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tuduhan Marina tidak boleh dipandang ringan kerana berunsur `nakal' dan tidak bertanggungjawab.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata polis sedang memberi perhatian terhadap tuduhan itu dan mengawasi apakah kenyataan lain yang akan dibuat oleh Marina.

"Kerja polis bukan untuk mencetuskan rusuhan kaum seperti yang pernah berlaku. Sebaliknya, tugas kita adalah untuk memastikan tiada rusuhan kaum dan demonstrasi yang boleh membawa kerosakan serta memusnahkan harta benda," katanya di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa sambutan ulang tahun ke-25 Barisan Nasional (BN) ketika mengulas kenyataan Marina semalam, yang menuduh polis turut bertanggungjawab mencetuskan rusuhan kaum itu.

Ketika berucap dalam satu perhimpunan di Pulau Pinang pada 29 September lalu, Marina menuduh pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969 itu berpunca daripada perbuatan Umno.

Semalam, Marina dalam kenyataannya pula mendakwa polis turut bertanggungjawab mencetuskan rusuhan itu kerana mengeluarkan permit kepada Umno untuk mengadakan perhimpunan dan pergerakan di ibu kota.

Abdullah berkata, semua pihak tidak harus melemparkan tuduhan dan mengungkitkan peristiwa itu untuk melahirkan kebencian dan ketegangan yang boleh membawa pergaduhan kaum.

"Sebarang tindakan mengungkit pihak yang mencetuskan peristiwa hitam itu tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa.

"Sudah cukup bagi rakyat Malaysia menjadikan peristiwa itu sebagai satu pengajaran bagi semua pihak yang tidak harus diulangi lagi," katanya sambil mengajak rakyat melihat ke depan dan bersatu serta bermuafakat supaya negara terus aman.

Sehubungan itu, beliau juga meminta rakyat supaya lebih berhati-hati ketika membuat kenyataan dan mengkritik kerajaan atau mana-mana pihak agar tidak melampaui batas serta menimbulkan perasaan marah sehingga boleh membawa perbalahan kaum.

"Kita berjaya mengekalkan keamanan negara kerana sama-sama mengamalkan kesederhanaan dan berdisiplin menjaga diri ketika bercakap agar tidak ada unsur-unsur melampau dan mengungkitkan mengenai kaum yang menimbulkan kekacauan lalu," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan juga mahu pilihan raya berjalan dengan baik dan sempurna, melambangkan amalan demokrasi sihat berteraskan kerjasama, muafakat dan tolong menolong.

"Kita juga mahu pilihan raya dikendalikan dengan adil dan keputusannya mempunyai kreadibiliti seperti pilihan raya sebelum ini.

"Jika pilihan raya berjalan dalam keadaan kelam kabut, kita bimbang apa yang akan tercetus selepas itu dan tentunya rakyat tidak mahu sebarang peristiwa buruk berlaku," katanya.

Sementara itu, beliau berkata ulang tahun ke-25 BN yang bertemakan - Teguh Padu Ke Alaf Baru akan disambut secara besar-besaran di Stadium

Nasional Bukit Jalil, pada 24 Oktober ini.

Katanya, pada malam itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucapan dan pelbagai acara menarik disusun, termasuk persembahan kebudayaan dan nyanyian.

Abdullah berkata, ulang tahun itu juga akan disambut serentak secara besar-besaran di semua negeri bagi memperingati kejayaan BN membawa kemakmuran kepada negara ini.

(END)